

15 APR 1997

SARAWAK AKAN WUJUDKAN PERKAMPUNGAN SIBER

KUCHING, 15 April (Bernama) -- Sarawak akan mewujudkan perkampungan siber bagi menyokong pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sekarang dilaksanakan di Kuala Lumpur, kata Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud hari ini.

Beliau berkata perkampungan siber itu akan dibina di taman Industri Berteknologi Tinggi Sama Jaya, dekat sini. Kerja-kerja awal bagi tujuan itu telahpun bermula.

"Sekarang, kita perlu mendapatkan pakar dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) bagi mengkaji (penubuhan perkampungan seperti itu)," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri telesidang mengenai MSC dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dari Kuala Lumpur.

Abdul Taib berkata cuma ada sebuah bandaraya siber dengan struktur yang lengkap meliputi aplikasi IT dan peralatan bukan sahaja bagi pelbagai tahap industri berteknologi tinggi tetapi juga menggalakkan pertumbuhan penyelidikan dan interaksi di kalangan ahli penyelidik pembuatan.

Satu lagi aspek berkaitan ialah aplikasi semua peralatan IT secara percubaan dan penggunaan komunikasi dalam transaksi harian dengan kerajaan dan dalam urusan perdagangan, kata beliau.

"Untuk itu, anda memerlukan sebuah bandaraya. Dalam kes berkenaan, kita memanggilnya sebagai perkampungan siber," kata beliau. -- BERNAMA

OPP JK FAZ